

13 APRIL 2018

Dadah RM1.67 juta dalam bungkusan teh

Dadah RM1.67 juta dalam bungkusan teh

KOTA KINABALU - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah berjaya membongkar sindiket penyeludupan dadah jenis methamphetamine yang menggunakan modus operandi dengan menyembunyikan bahan terlarang itu dalam bungkusan teh dengan penahanan dua suspek di dua lokasi berasingan baru-baru ini.

Kedua-dua suspek berusia 26 dan 27 tahun itu ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) dan Lapangan Terbang Lahad Datu antara pukul 11.46 pagi hingga 4.30 pe-

tang pada 8 April lalu bersama 30.39 kilogram (kg) dadah dengan anggaran nilai RM1.67 juta.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Zulkifli Yahya berkata, kedua-dua suspek itu ditahan sebaik tiba dari Kuala Lumpur menerusi penerbangan Malaysia Airlines.

Katanya, hasil pemeriksaan terhadap dua bagasi dibawa kedua-dua suspek menemui 30 pekot hablur jernih disyaki dadah yang sengaja disembunyikan di dalam bungkusan teh warna kuning.

“Bungkusan ‘teh’ itu hanya disimpan di dalam bagasi tanpa menyorokkannya di bawah lapisan pakaian mahupun barangan lain.

“Kami tidak menolak kemungkinan kedua-dua suspek ini daripada sindiket penyeludupan dadah yang sama kerana mempraktikkan modus operandi serupa. Cuma pada hari kejadian mereka singgah di lokasi berbeza iaitu KKIA dan Lapangan Terbang Lahad Datu,” katanya pada sidang akhbar di Wisma Kastam di sini semalam.